



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40
No. 21

17hb Oktober 1996

TAMBAHAN No. 77
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 515.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (SEKATAN
BERAT DENGAN MUATAN ATAS KENDERAAN BERAT)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR)
(No. 2) 1996**

BAHAWASANYA melalui Pemberitahuan *Warta* No. 6922 yang disiarkan pada 15 Ogos 1996, notis telah diberi mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Akta 333 Pengangkutan Jalan 1987:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Sekatan Berat dengan Muatan atas Kenderaan Berat) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 1996.** Nama.
2. Memandu kenderaan yang melebihi berat dengan muatan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dilarang. Larangan.

Note:

The roads specified in the Schedule in—

- (a) items 1 to 6 are in the Taman Bukit Maluri commercial area;
- (b) item 7 is in Kepong Baru; and
- (c) item 8 is in Taman P. Ramlee.

Made 1 October 1996.

[JHEU²/37/76 (B) Pt. XI; PN. (PU²) 460/VIII.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Dato Bandar Kuala Lumpur

P.U. (A) 517.**AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990**

PERINTAH PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN)
(PELABUHAN KEMAMAN) 1996

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2A Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990, Menteri membuat perintah yang berikut: *Akta 422*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) (Pelabuhan Kemaman) 1996.** *Nama.*

2. Jadual kepada Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 adalah dipinda dengan memasukkan perkataan "Pelabuhan Kemaman", "Pihak Berkuasa Pelabuhan Kemaman" dan "Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963" dalam ruang pertama, kedua dan ketiga masing-masingnya. *Pindaan
Jadual
Akta 422*

Dibuat 23 September 1996.

[KP/BM/JL/0.133/3 Jd. 3; PN. (PU²) 483.]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK,
Menteri Pengangkutan

PORTS (PRIVATISATION) ACT 1990**PORTS (PRIVATISATION) (KEMAMAN PORT) ORDER 1996**

In exercise of the powers conferred by section 2A of the Ports (Privatisation) Act 1990, the Minister makes the following order: *Art. 422*

1. This order may be cited as the **Ports (Privatisation) (Kemaman Port) Order 1996.** *Citation.*

Amendment of
Schedule.
Act 422.

2. The Schedule to the Ports (Privatisation) Act 1990 is amended by inserting the words "Kemaman Port", "Kemaman Port Authority" and "Port Authorities Act 1963" in the first, second and third columns respectively.

Made 23 September 1996.
[KP/BM/JL/0.133/3 Jd. 3; PN. (PU²) 483.]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK,
Minister of Transport

P.U. (A) 518.

AKTA PAMPASAN PEKERJA 1952

**PERINTAH PAMPASAN PEKERJA (SKIM PAMPASAN
PEKERJA ASING) (INSURANS) 1996**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(2) Akta Pampasan Pekerja 1952, Menteri membuat perintah yang berikut:

Akta 273

Nama dan mula
berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 November 1996.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“skim” ertinya skim pampasan pekerja asing;

“tarikh berkuatkuasa” ertinya 1 November 1996.

Skim insurans
yang diluluskan.
Akta 553.

3. (1) Skim yang diusahakan oleh Syarikat Insurans London & Pacific Bhd. yang merupakan suatu penanggung insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 adalah suatu skim insurans yang diluluskan bagi maksud Akta selagi skim itu mengandungi terma-terma yang berikut:

- (a) premium yang kena dibayar oleh majikan kepada penanggung insurans adalah amaun sebanyak satu ratus dua puluh ringgit setahun bagi setiap pekerja dan tidak boleh diubah tanpa kelulusan Menteri;
- (b) pampasan yang kena dibayar oleh penanggung insurans kepada setiap pekerja yang dilindungi oleh skim polisi hendaklah ditaksirkan oleh Pesuruhjaya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta dan hendaklah dibayar oleh penanggung insurans dalam masa tujuh hari selepas penerimaan taksiran itu oleh penanggung insurans; dan